

Newspaper	Harian Metro
Date	21/05/2012

# Pegang ikrar parti

HM-21/5/2012

Ahli Umno diminta buang budaya cantas-mencantas jika tak jadi calon PRU ke-13

>>Oleh Ahmad Saufi Mansor  
opie@hmetro.com.my

FOTO | Lim Poh Chin

**J**ITRA: Pemimpin mahupun ahli Umno perlu menyokong calon yang ditentukan parti termasuk calon 'payung terjun' atau orang di luar parti untuk mewakili Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 demi memastikan kerajaan BN sedia ada terus memerintah negara.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, ia dianggap merugikan jika hanya kerana dua atau tiga orang tidak bersetuju dengan calon pilihan pucuk pimpinan menyebabkan BN kehilangan kuasa akibat sifat mementingkan diri.

"Saya tekankan apa yang penting bukan siapa jadi calon, yang penting parti menang. Kalau dia turun dengan parachute (payung terjun) ke, turun dengan bom ke, apa ke, kita tak kira, letak saja dia di situ bukan orang Umno pun kita sokong...kita nak bagi Umno menang.

"Justeru, saya berharap semua Ketua Umno Bahagian di negeri ini dan pemimpin lain berpegang kepada ikrar mereka untuk taat kepada parti dan pucuk



SALAM...  
Dr Mahathir (tengah) menerima cenderahati daripada Ahmad Bashah sambil diperhatikan Mukhriz, semalam.

pimpinan termasuk tidak mengamalkan budaya cantas-mencantas jika tidak terpilih menjadi calon," katanya.

Beliau berucap dalam pertemuan dengan pemimpin Umno dan jentera parti seluruh Kedah selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan Ketua Umno Bahagian, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Ahmad Bas-

hah Md Hanipah dan Timbalannya, Datuk Mukhriz Mahathir yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Bekas Presiden Umno itu berkata, kepimpinan Umno juga perlu membuang budaya cantas-mencantas dan mementingkan diri, sebaliknya menyokong siapa sahaja yang dipilih untuk bertanding dalam PRU ke-13 demi memastikan kemenangan BN.

Menurutnya, budaya negatif itu jika terus menjadi amalan hanya akan menyebabkan Umno dan BN menerima nasib sama seperti pada pilihan raya umum lalu yang menyaksikan kemenangan ramai calon parti lawan.

"Kekalahan Umno akan menjadikan orang Melayu kehilangan kuasa di negara kita sendiri...kita tidak boleh jadi bangsa yang berpecah-belah. Amat penting tenaga yang ada digem-

bleng sepenuhnya.

"Saya yakin kita boleh menang jika amalan cantas-mencantas ini dibuang terus dari dalam diri setiap orang Umno," katanya.

Katanya, Umno juga perlu lebih giat membantu parti komponen termasuk MCA, MIC dan Gerakan yang dilihat masih kurang bersemangat akibat kekalahan pada 2008 supaya BN kembali kukuh seperti dulu.